

Sistem Pengurusan Klinik Veterinar

SiVeK

Manual Pengguna

HakCipta



Hospital Veterinar Kuala Lumpur
Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS)
Kementerian Pertanian & Industri Asas Tani

disediakan oleh



S.Core IT Solutions Sdn Bhd
Exploring Possibilities In Technologies

www.scis.com.my



KANDUNGAN

1.0 PENGENALAN DAN REKA BENTUK	4
1.1 Pengenalan dan Gambaran Sistem.....	4
1.2 Reka bentuk SIVEK	4
1.3 Keperluan Sistem.....	5
2.0 PENGENDALIAN UTAMA UNTUK KLINIK.....	6
2.1 Operasi Utama SIVEK	6
2.2 Aliran Kerja SIVEK.....	7
2.3 Ringkasan Penggunaan SIVEK.....	8
2.4 Memulakan SIVEK	8
2.5 Log Masuk ke Aplikasi	9
2.6 Manual Asas Penggunaan SIVEK	11
2.6.1 Penetapan Waktu Doktor yang Bertugas.....	11
2.6.2 Maklumat Pesakit dan Pendaftaran	12
2.6.2.1 Pendaftaran Tanpa Mykad.....	15
2.6.2.2 Pendaftaran Menggunakan Mykad.....	15
2.6.2.3 Carian Pesakit.....	16
2.6.2.4 Penggunaan Skrin Ubatan, Caj dan Pembayaran	28
2.7 Temujanji.....	33
2.8 Keputusan Ujian Makmal & X-ray	35
4.0 STOK UBAT	49
4.1 „Stock Master“	50
4.2 Stok Klinik.....	54
4.3 „Online Requisition“	56
4.4 Pembelian Ubat.....	59
4.5 Pengubahan Stok.....	63
4.6 Pemindahan Stok.....	65
5.0 LAPORAN.....	67
6.0 FUNGSI SOKONGAN.....	68
6.1 Alahan	70
6.2 Penetapan Bilik	72
6.3 Negara	73
6.4 Caj Pergigian.....	74
6.5 Diagnosis Pesakit	75
6.6 Penetapan Caj Lain	76
6.7 Penemuan Pemeriksaan Fizikal	78
6.8 Hospital	80
6.9 Ujian Makmal	81
6.10 Parameter	83
6.11 Penyelenggaraan Panel.....	84
6.12 Kod Pembayaran	86
6.13 Preskripsi Ubat.....	87
6.14 Lokasi Stok Ubat.....	88
6.15 Pembekal	89
6.16 Gejala.....	90
6.17 Rawatan	91

6.18	X-ray.....	93
7.0	PENTADBIRAN.....	95
7.1	Pendaftaran Pengguna dan Maklumat Staf.....	96
7.2	Tetapan Aliran Kerja	99
7.3	Tetapan Klinik	100
7.4	Tetapan Giliran	101
7.5	Skrin Paparan Giliran.....	103
7.6	Penetapan Semula Giliran.....	103

1.0 PENGENALAN DAN REKA BENTUK

1.1 Pengenalan dan Gambaran Sistem

SiVeK adalah perisian berasaskan web ("web-based") yang dibangunkan khas untuk Hospital Veterinar Kuala Lumpur bagi pengurusan rekod haiwan dan pemilik serta maklumat rawatan dan bayaran yang dilaksanakan semasa proses klinikal di hospital ini. Sistem ini juga menyediakan laporan-laporan dan statistik operasi hospital bagi pihak pengurusan hospital dan juga jabatan.

1.2 Reka Bentuk SiVeK

SiVeK merupakan sistem asas "web" yang dihoskan di server Jabatan Perkhidmatan Veterinar di Putrajaya dan boleh dicapai oleh pengguna dari mana-mana komputer yang mempunyai sambungan ke internet samada di hospital, pejabat atau pun di kediaman. Setiap pengguna sistem akan diberikan id pengguna dan mempunyai tahap akses tertentu mengikut keperluan pengguna terbabit. Walau bagaimana pun, konfigurasi sistem ini adalah dikhaskan bagi kegunaan Hospital Veterinar Kuala Lumpur sahaja.

SiVeK juga memerlukan sambungan integrasi ke sistem Pet-Passport sedia ada bagi mendapatkan maklumat pemilik dan haiwan yang mempunyai pendaftaran cip-mikro. Bagi haiwan yang membuat implan cip-mikro di hospital ini selepas perlaksanaan SiVeK, pendaftaran akan dibuat di SiVeK dan rekod haiwan dan pemilik akan dikemaskini ke Pet-Passport.

Rekod-rekod yang perubatan yang didaftarkan di sistem sebelum ini iaitu sistem IPVein akan dipindahkan ke SiVeK bagi meneruskan pengurusan maklumat perubatan yang sedia ada.

Rujuk diagram di bawah bagi menggambarkan rekabentuk sistem SiVeK.




Diagram 1: Rekabentuk SiVeK

1.3 Keperluan Komputer Pengguna Sistem

Berikut merupakan senarai keperluan sistem untuk penggunaan SiVeK:

- i. Sistem Operasi: Windows 7, Windows 10, Macintosh OS
- ii. Paparan Skrin: Skrin 17 inci dengan resolusi 1024x768 ke atas
- iii. RAM: Minimum 4GB
- iv. Pelayar: Chrome (disarankan) atau Mozilla Firefox
- v. Sambungan internet: jalur lebar (tanpa atau dengan wayar)

2.0 PENGENDALIAN SISTEM

2.1 Operasi Utama SiVeK


Sebelum mula menggunakan SiVeK, langkah-langkah berikut perlu dilakukan terlebih dahulu:

- i. Cipta rekod pengguna. Semua pengguna perlu menggunakan id yang unik tanpa berkongsi dengan pengguna lain bagi memastikan integriti rekod sistem. Menu sistem yang perlu dirujuk ialah **Admin > User Setup**.
- ii. Tentukan semua pengguna MagSys dan hak mengakses yang betul dan hanya yang diperlukan oleh pengguna terbabit sahaja. Menu sistem yang perlu dirujuk ialah **Admin > User Setup**.
- iii. Tetapkan jadual bertugas untuk pegawai veterinar. Penjadualan boleh dilakukan setiap hari atau sebaiknya seminggu sekali jika jadual bertugas telah dikeluarkan. Jadual ini juga boleh diubah pada bila-bila masa selepas ianya ditetapkan. Menu sistem yang perlu dirujuk ialah **Admin > Staff on Duty**.
- iv. Semak maklumat klinik iaitu alamat, nombor telefon, dan sebagainya . Menu sistem yang perlu dirujuk ialah **Admin > Administration**.
- v. Masukkan proses aliran kerja dan maklumat konfigurasi. Menu sistem yang perlu dirujuk ialah **Admin > Administration**.
- vi. Masukkan maklumat bayaran-bayaran yang sering digunakan semasa sesi perundingan pesakit seperti harga ubatan, bayaran ujian makmal, bayaran x-ray, bayaran perundingan, bayaran surgeri dan sebagainya bagi mempercepatkan proses memasukkan bayaran bagi pesakit. Menu sistem yang perlu dirujuk ialah **Stock, Lab, X-Ray** dan **Maintenance** dan sub-menu yang terlibat ialah **Stock Master, Stock Unit, Fee, X-Ray, Lab, Treatment, Pet Cage, Surgery**.
- vii. Masukkan semua maklumat tetapan yang diperlukan seperti bilik, spesis dan lain-lain. Menu sistem yang perlu dirujuk ialah **Maintenance**.

2.2 Aliran Kerja SiVeK

Aliran kerja untuk SIVEK adalah bergantung kepada kategori rawatan yang diperlukan untuk haiwan yang terbabit. Aliran kerja secara amnya melibatkan 4 fasa yang sama iaitu pendaftaran, rawatan, farmasi dan bayaran. Terdapat juga aliran yang melibatkan fasa-fasa lain seperti x-ray, pembedahan dan makmal.

Secara am, gambaran proses rawatan keseluruhannya adalah seperti gambarajah di bawah:



Jadual di bawah adalah contoh aliran kerja bagi kategori rawatan "**out-patient**" tidak termasuk proses pendaftaran di peringkat awal.

Stage	Action
CONSULTATION	Delete
PAYMENT	Delete
PHARMACY	Delete

Aliran Kerja SiVeK

Proses 1: Pelanggan baru atau yang sedia ada akan datang untuk mendapatkan rawatan untuk haiwan kesayangan mereka. Kakitangan pendaftaran akan mendaftarkan butiran pelanggan dan membuka rekod konsultasi. Pelanggan akan dimasukkan ke dalam sistem untuk giliran sesi konsultasi dengan pegawai veterinar.

Proses 2: Pegawai Veterinar akan memilih rekod pelanggan dari senarai pelanggan yang menunggu dan meneruskan rawatan. Butir-butir konsultasi dan rawatan dimasukkan ke dalam sistem termasuk butiran preskripsi ubat. Pelanggan kemudiannya dihantar ke farmasi untuk mengambil ubat.

Proses 3: Kakitangan kaunter bayaran akan menyemak rekod rawatan dan memastikan semua bayaran sudah dimasukkan. Sistem akan mengira semua bayaran yang berkaitan dan pelanggan akan membayar jumlah bayaran yang dikenakan.

Proses 4: Kakitangan farmasi akan menyemak rekod dan menyediakan semua ubat yang disenaraikan oleh Pegawai Veterinar. Kakitangan farmasi akan mencetak label ubat (jika ada) dan memberikan penerangan kepada pelanggan aturan pemberian ubatan kepada haiwan. Ubatan akan diserahkan kepada pelanggan. Sesi rawatan tamat.

Aliran kerja SiVeK boleh diubah di bahagian “**Admin > Workflow Configuration**” atau boleh dipadam semasa sesi pengesahan pendaftaran.

Nota Penting: Manual ini merangkumi topik fungsi utama SIVEK sebelum memasuki bahagian operasi dan penyelenggaraan SIVEK.

2.3 Log Masuk ke SIVEK

Langkah-langkah penggunaan:

- i Buka pelayar internet (bowser) samada Chrome atau Mozilla dan masukkan "sivek.dvs.gov.my" di bahagian ruang alamat (address bar) dan tekan kunci "**Enter**".
- i Skrin log masuk akan dipaparkan.



Skrin Log Masuk

- i Masukkan id pengguna dalam ruangan "**Username**" dan tekan kunci "Tab" untuk pergi ke ruangan "**Password**" (atau boleh juga gunakan mouse).
- iv. Masukkan kata laluan di ruangan "**Password**" dan tekan kunci "**Enter**" (atau boleh guna tetikus (mouse) untuk klik "**Log In**").
- v. Skrin utama SIVEK akan dipaparkan seperti berikut:



Skrin Utama SiVeK

Keterangan Skrin:

1. Terdapat “Menu Utama” di bahagian kiri skrin manakala di bahagian kanan skrin adalah fungsi yang akan berubah bagi setiap menu utama yang dipilih oleh pengguna.
2. “Home Screen” ialah skrin utama yang akan memaparkan bilik yang ada di dalam klinik dan jumlah pesakit yang telah berdaftar di bilik tersebut.
3. Menu utama “User Profile” akan memaparkan maklumat pengguna seperti “Username” dan “Password”. Pengguna boleh menukar maklumat yang ada seperti nama, kata laluan, kedudukan dan bilik.
4. Menu utama “Visit Listing” akan memaparkan senarai pelanggan yang telah mendaftar untuk rawatan atau membeli ubat.
5. Menu utama “Client” adalah kumpulan tugas yang utama yang sering digunakan bagi operasi harian klinik seperti pendaftaran pesakit dan kutipan bayaran dan menu ini akan berlainan bergantung kepada tugas yang telah ditetapkan oleh admin.
6. Menu utama “Stock” adalah kumpulan tugas yang berkaitan dengan stok pengambilan, pengeluaran atan pemindahan ubat di dalam klinik.
7. Menu utama ”Maintenance” adalah kumpulan tugasan yang menyediakan

- nilai tetapan untuk pelbagai perkara seperti bilik, spesis, harga dan sebagainya.
8. Menu utama “**Admin**” adalah bagi kumpulan tugasan yang berkaitan dengan aspek pantadbiran operasi klinik dan penggunaan SIVEK seperti mewujudkan rekod staf dan akses yang dibenarkan.
 9. Ruangan tengah skrin memaparkan nama-nama bilik rawatan dan jumlah pelanggan yang menunggu dan jumlah pelanggan yang telah didaftarkan untuk bilik tersebut. Paparan ini adalah mengikut konfigurasi bilik yang dibuat untuk SIVEK.

2.4 Penggunaan Asas SIVEK

2.6.1 Penetapan Pegawai Veterinar Bertugas

Fungsi ini perlu dibuat sebelum pendaftaran untuk memasukkan waktu pegawai veterinar yang bertugas untuk sesi konsultasi. Kakitangan juga boleh membuka skrin ini untuk memastikan ada pegawai yang bertugas untuk hari tersebut.

Langkah-langkah penggunaan :

- i. Dari menu utama, klik pada menu utama “**Admin**”.
- ii. Klik pada “**Staff On Duty**”.
- iii. Skrin berikut akan dipaparkan:

The screenshot shows a web-based application interface titled "Veterinarian on Duty". At the top, there is a "Search Criteria" section with fields for "Staff Name" and "Date", and buttons for "Search" and "Reset". Below this is a "Veterinarian Duty List" section. This section includes a table with columns: Select, Veterinarian ID, Veterinarian Name, Date From, To, Time, and Room. The table lists 10 entries out of 35, showing details such as staff names like DR. NURAZREEN BINTI ZULAIIDI and MUHAMAD SYAWAL AIDIL BIN MAT SAIDI, their respective duty dates and times, and the room they are assigned to (e.g., BILIK RAWATAN 3, KAUNTER 1 (PENDAFTARAN), RADIOLOGI, MAKMAL, WAD, SURGERI). At the bottom of the list, there are buttons for "Previous", "Next", and a "Delete" button.

Select	Veterinarian ID	Veterinarian Name	Date From	To	Time	Room
<input type="checkbox"/>	100018	DR. NURAZREEN BINTI ZULAIIDI	25/02/2019	03/03/2019	08:00 to 17:00	BILIK RAWATAN 3
<input type="checkbox"/>	100032	MUHAMAD AMIRUL BIN ZAKARIA	04/03/2019	10/03/2019	08:00 to 17:00	KAUNTER 1 (PENDAFTARAN)
<input type="checkbox"/>	100030	MOHAMAD SYAWAL AIDIL BIN MAT SAIDI	25/02/2019	03/03/2019	08:00 to 17:00	RADIOLOGI
<input type="checkbox"/>	100021	KAMALA A/P RAMAN	25/02/2019	03/03/2019	08:00 to 17:00	RADIOLOGI
<input type="checkbox"/>	100030	MOHAMAD SYAWAL AIDIL BIN MAT SAIDI	25/02/2019	03/03/2019	08:00 to 17:00	MAKMAL
<input type="checkbox"/>	100021	KAMALA A/P RAMAN	25/02/2019	03/03/2019	08:00 to 17:00	MAKMAL
<input type="checkbox"/>	100034	SHAHIRAH BINTI SHAMSUDDIN	25/02/2019	03/03/2019	08:00 to 17:00	WAD
<input type="checkbox"/>	100021	KAMALA A/P RAMAN	25/02/2019	03/03/2019	08:00 to 17:00	WAD
<input type="checkbox"/>	100018	DR. NURAZREEN BINTI ZULAIIDI	25/02/2019	03/03/2019	08:00 to 17:00	SURGERI
<input type="checkbox"/>	100034	SHAHIRAH BINTI SHAMSUDDIN	25/02/2019	03/03/2019	08:00 to 17:00	BILIK RAWATAN 4

- iv. Senarai pegawai yang bertugas akan dipaparkan di “**Veterinarian Duty List**”.

- v. Waktu pegawai yang bertugas boleh dimasukkan dan diubah di “**Veterinarian Duty Details**” seperti di bawah:

Veterinarian Duty Details

*Veterinarian ID:

*Veterinarian Name:

State: [Please Select]

*Date From: 04/03/2019 To: 04/03/2019

*Start Time: e.g 08:00

*End Time: e.g 18:00

*Room Duty: [Please Select]

- vi. Klik butang pada “**Veterinarian Id**” untuk pilih doktor, skrin “**Search Staff**” akan dipaparkan seperti di bawah:

UIA Medical System - Google Chrome

① Not secure | sivek.dvs.gov.my/staffs/openStaffPopups

Search Staff

Show 10 entries Search:

Staff No	Staff Name
100017	DR. NOR NATASHA BINTI MOHD SOFIAN
100018	DR. NURAZREEN BINTI ZULAIIDI
100019	DR. NUR IZZATI BINTI AMAN
100020	AZJEEMAH BEE BINTI SAWAL HAMID
100021	KAMALA A/P RAMAN
100022	SITI MUNIRAH BINTI JOHARI
100023	NUR FARZANA FATINI BINTI MUHAMMAD ARIFFIN
100024	SHAIMAH BINTI UTA
100025	DZULFAHMI BIN MOHD SHUIB
100026	SHAHRUL AFISZAN BIN AHMAD

Showing 1 to 10 of 23 entries

Previous Next

- vii. Klik pada nombor staf di ruangan ”**Staff No**” bagi memilih pegawai yang berkenaan.
- viii. Ruangan “**Veterinarian Name**” akan dimasukkan secara automatik apabila

pegawai sudah dipilih.

- ix. Pilih tarikh pegawai bertugas di bahagian "**Date From**" dan "**To**"
- x. Pilih masa pegawai bertugas di bahagian "**Start Time**" dan "**End Time**"
- xi. Pilih bilik dimana pegawai bertugas di bahagian "**Room Duty**".
- xii. Klik "**Save**" untuk simpan.
- xiii. Klik "**Clear Input**" untuk kosongkan maklumat yang telah dimasukkan.


Pegawai bertugas boleh diselenggara pada bila-bila masa selepas dimasukkan. Tetapan pegawai bertugas ini juga boleh dilakukan untuk jangkamasa yang panjang seperti untuk seminggu atau sebulan (mengikut tarikh mula dan tamat) jika jadual bertugas telah ditentukan oleh pihak pengurusan hospital.

2.6.2 Pendaftaran

2.6.2.1 Pendaftaran Maklumat Pelanggan


Langkah-langkah penggunaan :

- i. Dari menu utama, klik pada menu utama "**Client**".



Menu Utama

- ii. Sub menu seterusnya akan dipaparkan seperti di bawah:



Sub-menu "Client"

- iii. Klik pada menu “**Register Client & Pet**”. Skrin maklumat pelanggan akan dipaparkan seperti di bawah:


- iv. Untuk pendaftaran baru, maklumat yang wajib dimasukkan adalah yang bertanda *

- v. Selepas selesai masukkan maklumat, klik butang "**Save Client**" untuk simpan maklumat pelanggan
- vi. Bagi carian maklumat pelanggan yang pernah didaftarkan di SIVEK atau IPVein, klik pada butang "**Search Sivek**". Skrin carian pelanggan akan dipaparkan seperti dibawah:

ID No	Client Name
920709145162	*A-ISYAH NAFISAH BINTI SABIRIN
840626146282	*AFIFAH NOR'AIFA BINTI NOR AZMI
881028665908	*AMILYN BINTI MOHD AZHARI
580319015612	*ATIAH BINTI MD YUSOF
870617125217	*ALPHAIZAL
790915105820	*ANIZAH MAULAD JAMALUDDIN
880807105002	*AZREEN MAULAD ARIS
550129025879	*CHANDRA A/L R M SINNIAH
480112105358	*CHIAH SAI LUI @ PHOON FOONG YING
830610086140	*CHONG SIEW HOOI

- vii. Masukkan "**ID No**" atau "**Client Name**" dan klik "**Search**".
- viii. Senarai pelanggan yang dapat dipadankan dengan kriteria carian yang dimasukkan akan dipaparkan di senarai.
- ix. Klik nombor pengenalan di ruangan "**ID No**" di dalam senarai bagi memilih rekod pelanggan yang dikehendaki
- x. Maklumat pelanggan beserta senarai haiwan akan dipaparkan di skrin utama
- xi. Bagi pendaftaran menggunakan MyKad,
 - Masukkan MyKad pelanggan ke dalam ruang pembaca kad
 - Klik butang "**Read Mykad**", tunggu sehingga maklumat pelanggan

- dipaparkan di atas skrin
- Buat perubahan yang perlu jika ada dan klik "**Save Client**" untuk simpan perubahan
- xii. Bagi pelanggan yang mempunyai haiwan yang telah dipasang dengan cip-mikro, carian boleh dilakukan dari sistem "**Pet Passport**" seperti berikut
- Klik butang "**Search Pet Passport**". Skrin carian pelanggan akan dipaparkan seperti di bawah:



- Masukkan "**ID No**" atau "**Client Name**" dan klik "**Search**".
- Rekod pelanggan yang ada di pangkalan data sistem "**Pet Passport**" dan dapat dipadankan dengan kriteria carian yang dimasukkan akan dipaparkan di senarai.
- Klik nombor pengenalan di ruangan "**ID No**" di dalam senarai bagi memilih rekod pelanggan yang dikehendaki.

- Maklumat pelanggan beserta senarai haiwan akan dipaparkan di skrin utama

2.6.2.2 Pendaftaran Maklumat Haiwan

Langkah-langkah penggunaan :

- Buat pendaftaran atau carian maklumat pemilik terlebih dahulu. Rujuk topik yang berkaitan di atas.
- Dengan maklumat pemilik sedang dipaparkan di skrin pendaftaran, pergi ke bahagian "**Pet Details**" seperti di bawah:

- Nota: "**Pet Listing**" mungkin mempunyai senarai haiwan yang sedia ada untuk pemilik ini. Tidak perlu klik mana-mana rekod untuk pendaftaran baru
- Pastikan tiada maklumat haiwan lain dipaparkan di bahagian "**Pet Details**". Klik butang "**Reset**" untuk kosongkan paparan maklumat haiwan
- Masukkan semua maklumat yang perlu diisi yang bertanda *
- Setelah selesai, klik butang "**Save**"
- Maklumat haiwan tadi akan dipaparkan di dalam senarai "**Pet Listing**" seperti di bawah:

Pet Listing			
Show	10	entries	Search:
No	MRN No	Pet Name	Status
1	46536	REX	
Showing 1 to 1 of 1 entries			


- Klik "MRN No" di senarai "**Pet Listing**" untuk memaparkan maklumat haiwan

- yang dipilih
- ix. Maklumat haiwan yang dipaparkan boleh diubah jika diperlukan. Klik **"Save"** setelah selesai membuat perubahan untuk menyimpan rekod yang telah dikemaskini.
 - x. Untuk melihat sejarah rawatan haiwan, klik pada bahagian **"Visit History"**. Ruangan sejarah rawatan haiwan akan dipaparkan seperti di bawah:

The screenshot shows a software interface with a header bar containing 'Pet Details' and 'Visit History'. Below this is a table with columns 'No', 'Visit Date / Time', and 'Veterinarian Name', which displays the message 'Result Not Found'. At the bottom of the screen are two large blue-tinted boxes labeled 'Veterinarian's Order History List' and 'Dispensary History List', each containing a table with columns 'Drug Name', 'Quantity', 'Prescription', and 'Notes', also displaying the message 'Result Not Found'.

2.6.2.3 Pendaftaran Sesi Rawatan

- i. Buat pendaftaran atau carian maklumat pemilik terlebih dahulu. Rujuk topik yang berkaitan di atas.
- ii. Sebelum membuat pendaftaran rawatan, semak terlebih dahulu maklumat pelanggan yang diperlukan telah diisi. Buat kemaskini jika perlu.
- iii. Dengan maklumat pemilik sedang dipaparkan di skrin pendaftaran, pergi ke bahagian bawah skrin seperti di bawah:



- iv. Klik butang **"Register Visit"**. Skrin **"Confirm Visit Entry"** akan dipaparkan.

Confirm Visit Entry

*Visit Date/Time	04/03/2019	14:46								
*Queue No										
*Visit Type	OUT-PATIENT									
<table border="1"> <thead> <tr> <th>Stage</th> <th>Action</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>CONSULTATION</td> <td></td> </tr> <tr> <td>PAYMENT</td> <td></td> </tr> <tr> <td>PHARMACY</td> <td></td> </tr> </tbody> </table>			Stage	Action	CONSULTATION		PAYMENT		PHARMACY	
Stage	Action									
CONSULTATION										
PAYMENT										
PHARMACY										

Pet Listing

Show	10	entries	Search:
Select	<input type="checkbox"/>	Pet Code	P0041539
		Pet Name	REX
		Species	CANINE

Showing 1 to 1 of 1 entries

Previous **1** Next


*Veterinarian & Room

*Priority

Reason Of Visit

Confirm **Consent Form** **Close**

- v. Masukkan "**Queue No**" (jika tidak dipaparkan secara automatik)
- vi. Pilih "**Visit Type**". Aliran proses untuk jenis rawatan ini akan dipaparkan.
- vii. Di bahagian "**Pet Listing**", klik "checkbox" di bahagian "Select" bagi haiwan (atau haiwan-haiwan) yang memerlukan rawatan.
- viii. Nota: Kategori haiwan yang berlainan (contoh: kucing dan anjing) perlu didaftarkan secara berasingan
- ix. Pilih nama pegawai veterinar yang bertugas di bahagian "**Veterinarian & Room**"
- x. Pilih "**Normal Lane**" untuk kes rawatan biasa atau "**Fastlane**" untuk kes-kes kecemasan
- xi. Masukkan sebab rawatan diperlukan di bahagian "**Reason of Visit**"
- xii. Klik "**Consent Form**" bagi mencetak borang persetujuan rawatan bagi kes-kes yang diperlukan seperti pembedahan.
- xiii. Klik butang "**Confirm**" untuk mendaftarkan rawatan ini
- xiv. Skrin nombor giliran akan dipaparkan seperti di bawah:




- xv. Butang "**Print**" adalah untuk mencetak nombor giliran ini jika pencetak label telah dipasang di komputer yang sedang digunakan ini.
- xvi. Tutup skrin. Proses pendaftaran selesai.

2.6.2.4 Kemaskini "Pet Passport"

Bagi maklumat haiwan yang mempunyai cip-mikro, sebarang perubahan maklumat di SIVEK perlu dihantar ke sistem Pet Passport. Ini termasuk pendaftaran cip-mikro yang baru dilakukan di hospital di mana rekod pelanggan dan haiwan masih belum wujud di sistem Pet Passport.

Langkah-langkah yang perlu dilakukan adalah seperti berikut:

- i. Buat pendaftaran baru atau carian seperti yang diterangkan di dalam topik di atas.
- ii. Bagi kemaskini ke **Pet Passport**, maklumat "**Microchip No**" bagi haiwan perlu wujud atau dimasukkan
- iii. Buat perubahan maklumat di SIVEK dan simpan data (klik butang "**Save Client**" untuk pelanggan atau butang "**Save**" untuk haiwan).
- iv. Klik butang "**Update Pet Passport**" seperti di bawah:




- v. Mesej akan dipaparkan apabila proses kemaskini telah selesai
- vi. Nota: Proses kemaskini ke **Pet Passport** ini boleh dilakukan pada bila-bila masa

2.6.2.5 Senarai Pelanggan Didaftar


Skrin ini memaparkan senarai pelanggan yang telah didaftarkan untuk rawatan. Terdapat kriteria carian yang berbeza untuk dipadankan dengan rekod yang hendak dipaparkan.

Langkah-langkah penggunaan :

- i. Pilih “**Visit Listing**” pada Menu Utama.



- ii. Skrin “Visit Listing” akan dipaparkan seperti di bawah:




No	Visit Date	Queue No	Room No	Priority	Name	Pet Count	Visit Type	Lab Order Status	X-Ray Order	Stage	Visit Status	Change Veterinarian	Change Status	Print Queue
1	06/03/2019 03:02 PM	4512	BILIK RAWATAN 5	Normal	RAHIMAH ABDULLAH	1	OUT-PATIENT			CONSULTATION (Waiting)	OPEN			

Show 10 entries | Showing 1 to 1 of 1 entries | Previous | Next

Skrin Senarai Pesakit

- iii. Senarai pendaftaran pada hari semasa akan dipaparkan secara automatik
- iv. Warna yang berbeza pada senarai pelanggan bergantung pada tempoh pelanggan menunggu selepas didaftar seperti berikut:
 - Kuning: melebihi 15 minit
 - Oren: melebihi 30 minit
 - Merah: melebihi 45 minit
 - Biru: status “**COMPLETE**”
- v. Had masa bagi setiap warna ini boleh dikonfigurasikan di bahagian “**Admin**”
- vi. Jika pelanggan sedang menjalani apa-apa sesi, status di “stage” akan bertukar daripada “**Waiting**” kepada “**In Progress**”
- vii. Apabila doktor telah membuat runding cara, “stage” akan bertukar kepada “**PHARMACY**”
- viii. Apabila ubat telah dimasukkan dan pembayaran telah dibuat, status akan bertukar kepada “**COMPLETE**”.
- ix. Status “**COMPLETE**” bermakna sesi rawatan telah tamat. Selagi masih ada sesi rawatan yang belum tamat, pelanggan ini tidak boleh didaftarkan untuk sesi rawatan yang baru
- x. Penggunaan “**Search Criteria**” adalah seperti berikut:

- Klik butang "**Home Screen**" untuk paparkan skrin utama SIVEK
 - "**Show my queue only**": akan menyenaraikan pelanggan yang didaftarkan untuk rawatan oleh id pengguna ini sahaja
 - Lain-lain kriteria adalah berdasarkan tajuk yang dipaparkan dan boleh dipilih mengikut keperluan carian rekod pelanggan
 - Tarikh lawatan juga boleh ditukar kepada tarikh yang dikehendaki menggunakan "**Visit date from**" dan "**Visit date to**"
 - Klik butang "**Reset**" untuk menetapkan semula ruangan "**Search Criteria**" kepada keadaan asal .
- x. Klik pada "**Visit Date**" untuk rekod yang hendak dipilih. Skrin yang berkaitan dengan proses rawatan rekod ini akan dipaparkan.
- xii. Nota: Jika pengguna tidak mempunyai kebenaran (privilege) untuk membuka skrin berkaitan proses rekod ini, mesej akan dipaparkan
- xiii. Untuk menukar pegawai veterinar yang diberikan semasa pendaftaran, klik ikon pada "**Change Veterinarian**". Skrin berikut akan dipaparkan:



- xiv. Pilih pegawai veterinar yang baru di bahagian "**New Veterinarian**" dan klik "**Confirm**"
- xv. Untuk menukar status proses semasa untuk rekod rawatan ini, klik ikon pada

"**Change Status**". Skrin berikut akan dipaparkan:

The screenshot shows a 'Change Status' dialog box. At the top, it displays the URL: Not secure | sivek.dvs.gov.my/PatientStatus/changeStatusPopup?consultId=20190306100001. The main area contains fields for ID No (841125145390), Name (RAHIMAH ABDULLAH), Visit Type (OUT-PATIENT), Current Veterinarian (DR MAGSYS), Payment Type (empty), Current Status (Open), and Status (dropdown menu with [Please Select] option). At the bottom, there are three buttons: Confirm, Save, and Cancel.

xvi. Klik senarai "Status" dan status berikut akan dipaparkan:

The screenshot shows a dropdown menu titled 'Status'. The options listed are: [Please Select], ABSCOND, CHANGE STAGE, CANCEL, and OPEN. The 'ABSCOND' option is highlighted with a blue selection bar.

- xvii. Bagi setiap status, keperluan yang berlainan perlu dimasukkan sebelum status boleh ditukar kepada status baru yang dipilih.
- xviii. Untuk status "**Abscond**", iaitu bagi pelanggan yang menghilangkan diri sebelum proses rawatan selesai, paparan adalah seperti berikut:

Current Status	<input type="button" value="Open"/>														
Status	ABSCOND														
Additional Fee															
<input type="button" value=" [Please Select]"/> <input type="button" value="Add"/>															
<table border="1"> <thead> <tr> <th>Include</th> <th>Select</th> <th>No.</th> <th>Fee Description</th> <th>Amount</th> <th>GST</th> <th>Payment Status</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td colspan="7">No Record Found!</td> </tr> </tbody> </table>		Include	Select	No.	Fee Description	Amount	GST	Payment Status	No Record Found!						
Include	Select	No.	Fee Description	Amount	GST	Payment Status									
No Record Found!															
<input type="button" value="Delete"/>															
Total Nett	<input type="text" value="0.00"/>	Total GST	<input type="text" value="0.00"/>												
Total Gross	<input type="text" value="0.00"/>	Cash(RM)	<input type="text" value="0.00"/>												
SBU(RM)	<input type="text" value="0.00"/>	Payment Status	<input type="text" value="UNPAID"/>												
<input type="button" value="Confirm"/> <input type="button" value="Save"/> <input type="button" value="Cancel"/>															

- xix. Pengguna perlu memasukkan bayaran-bayaran yang perlu dibayar oleh pelanggan ini bagi perkhidmatan atau ubatan yang telah diberikan.
- xx. Bayaran boleh dipilih dibahagian "**Additional Fee**" dan klik "**Add**" untuk memasukkan bayaran ke dalam senarai bayaran.
- xxi. Apabila selesai, klik "**Save**" untuk menyimpan rekod bayaran dan seterusnya klik "**Confirm**" untuk menukar status kepada "**Abscond**".
- xxii. Nota: Jenis-jenis bayaran boleh dikemaskini di bahagian "**Maintenance**"
- xxiii. Nota: Pelanggan yang mempunyai bayaran yang belum jelas, boleh diminta untuk menjelaskan bayaran jika hadir bagi sesi rawatan berikutnya
- xxiv. Untuk status "**Change Stage**", paparan adalah seperti berikut:

Current Status									
Status	Open								
CHANGE STAGE									
<table border="1"> <thead> <tr> <th>Stage</th> <th>Action</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>CONSULTATION (WAITING)</td> <td></td> </tr> <tr> <td>PAYMENT (PENDING)</td> <td></td> </tr> <tr> <td>PHARMACY (PENDING)</td> <td></td> </tr> </tbody> </table>		Stage	Action	CONSULTATION (WAITING)		PAYMENT (PENDING)		PHARMACY (PENDING)	
Stage	Action								
CONSULTATION (WAITING)									
PAYMENT (PENDING)									
PHARMACY (PENDING)									
+ RESET									
<input type="button" value="Confirm"/> <input type="button" value="Save"/> <input type="button" value="Cancel"/>									


- xxv. Senarai "**Stage**" di dalam jadual adalah bergantung kepada jenis rawatan yang didaftarkan.
- xxvi. Pengguna boleh memadam, menambah atau menukar aturan proses yang terlibat.
- xxvii. Untuk menambah proses, klik pada butang "+" seperti yang dipaparkan di bawah:
- 
- xxviii. Senarai proses akan dipaparkan di ruangan proses baru seperti berikut:

Stage	Action
CONSULTATION (WAITING)	
PAYMENT (PENDING)	
PHARMACY (PENDING)	
[Please Select]	
[Please Select]	
X-RAY LAB CONSULTATION PHARMACY CANCEL SURGERY WARD PAYMENT	

- xxix. Pilih proses baru yang perlu ditambah
- xxx. Untuk menukar aturan proses, klik dan tarik rekod yang perlu dipindahkan ke bawah atau ke atas untuk ubah aturan.
- xxxi. Klik "**Save**" dan seterusnya klik "**Confirm**" untuk pengesahan perubahan proses.
- xxxii. Bagi menukar ke status "**Cancel**" atau "**Open**", pengguna hanya perlu

memilih status tersebut dan klik "**Confirm**" untuk simpan perubahan.

- xxxiii. Status "**Cancel**" adalah untuk batalkan rundingan yang telah didaftar jika tersalah
- xxxiv. Senarai rawatan yang didaftar mungkin melebihi bilangan yang dipaparkan di skrin pada satu-satu masa.
- xxxv. Klik pada butang "**Previous**" atau "**Next**" untuk melihat senarai seterusnya atau yang sebelumnya seperti di bawah:




2.6.3 Proses Rawatan

Proses rawatan haiwan dilakukan oleh pegawai veterinar bertugas. Pemilihan pegawai veterinar ini dilakukan semasa proses pendaftaran di mana pegawai yang bertugas dipilih dari jadual tugas yang telah dimasukkan sebelum itu oleh pentadbir SIVEK.

Pegawai veterinar perlu menggunakan skrin rawatan untuk memasukkan maklumat berkaitan rawatan yang diberikan. Skrin ini dipanggil "**Consultation**". Skrin ini boleh dibuka melalui "**Visit Listing**" atau melalui menu utama "**Client**" dan "**Consultation**".


Langkah-langkah penggunaan:

- i. Dari menu utama, klik pada menu utama "**Client**".



Menu Utama

- ii. Sub menu seterusnya akan dipaparkan seperti di bawah:



Sub-menu "Client"

- iii. Klik pada menu "**Consultation**". Skrin maklumat rawatan akan dipaparkan.
- iv.
- v. Penerangan untuk penggunaan skrin rawatan ini diberikan di bawah beberapa pecahan tajuk mengikut bahagian skrin untuk memfokuskan penjelasan secara lebih tersusun.
- vi. Sd

2.6.3.1 *Carian Senarai Menunggu*

Di bawah adalah bahagian skrin rawatan yang memaparkan maklumat pelanggan.

Consultation

Greetings, DR MAGSYS. You have 0 Appointment(s) notification for today, 08/03/2019

You have 0 Notification(s) for today.

Owner Information

Owner Name	A RAHMAN BIN ABDUL SAMAD	BILIK RAWATAN 3
IC No	480706015737	Tel No.

Pet Listing

Pet Name	Species	Breed	Sex	Age
BOBO	FELINE	DOMESTIC SHORTHAIR	FEMALE	18

Berdasarkan skrin di atas, senarai pelanggan yang didaftarkan untuk rawatan boleh diakses melalui cara-cara berikut:

- Klik butang "**Consultation Queue**". Skrin carian pelanggan menunggu rawatan akan dipaparkan seperti di bawah:

Vmagsys - Google Chrome
Not secure | sivek.dvs.gov.my/consultations/searchPatientInWaiting


Search Consultation Queue

ID No	Queue No	Client Name	Pet Count
930723085070	1001	AIDA MAISARAH BT ABDUL MANAF	0

- Senarai akan menunjukkan pelanggan yang berdaftar pada tarikh semasa sahaja. Bagi pendaftaran pada tarikh yang lain, gunakan skrin "**Visit Listing**" untuk membuat carian.
- Senarai akan menunjukkan autran masa pendaftaran mengikut yang paling

awal didaftar berada di senarai teratas. Walau bagaimanapun, pegawai veterinar boleh memilih mana-mana rekod yang dikehendaki.

- iv. Klik pada "**ID No**" bagi rekod yang hendak dipilih. Skrin panggilan giliran akan dipaparkan seperti di bawah:



The screenshot shows a web browser window titled "SIVEK - Google Chrome". The address bar indicates the URL is sivek.dvs.gov.my/queues/displayCallPatient?consultId=91113&stage=REG. The main content area is a form titled "Call Patient". It contains the following fields:

- ID No: 930723085070
- Queue No: 1001
- Priority: N
- Name: AIDA MAISARAH BT ABDUL MANAF
- Room: BILIK RAWATAN 3

At the bottom of the form are three buttons: "Cancel", "Call Patient (0)", and "Patient In".

- v. Klik butang "**Call Patient**" untuk memanggil pelanggan melalui sistem giliran SIVEK (jika ada).
- vi. Jika pelanggan sudah berada di bilik rawatan, klik "**Patient In**" bagi menandakan yang masa rawatan telah bermula.

2.6.3.2 Maklumat Pemilik dan Haiwan

Bahagian ini memaparkan maklumat pemilik dan haiwan yang dipilih untuk rawatan. Paparan skrin adalah seperti di bawah:

Consultation

Greetings, DR MAGSYS. You have 0 Appointment(s) notification for today, 08/03/2019

You have 0 Notification(s) for today.

Owner Information

Owner Name	A RAHMAN BIN ABDUL SAMAD	BILIK RAWATAN 3
IC No	480706015737	Tel No.

Pet Listing

Pet Name	Species	Breed	Sex	Age
BOBO	FELINE	DOMESTIC SHORTHAIR	FEMALE	18

- i. Maklumat pemilik akan dipaparkan apabila rekod pemilik dipilih dari giliran menunggu rawatan.
- ii. Nama bilik yang digunakan untuk sesi rawatan ini akan dipaparkan mengikut bilik yang telah disetkan untuk pegawai veterinar yang membuat rawatan ini.
- iii. Walau bagaimanapun, nama bilik ini boleh diubah dari senarai yang diberikan dan nama bilik yang disimpan adalah mengikut nama bilik yang dipaparkan.
- iv. Senarai haiwan yang didaftarkan untuk rawatan ini akan dipaparkan di bahagian "**Pet Listing**".
- v. Klik pada "**Pet Name**" untuk rekod haiwan yang hendak dibuat rawatan.
- vi. Maklumat "**Vaccination History**", "**Surgery History**" dan "**Visit History**" untuk haiwan ini akan dipaparkan di dalam jadual berikutnya seperti di bawah:

Vaccination Record

Vaccination Date	Name Of Vaccine	Veterinarian	Next Vaccination
Add Save			

Surgery History

No	Visit Date Time	Veterinarian Name	Status
Result Not Found			

Visit History

No	Visit Date Time	Veterinarian Name	Status
1	05/09/2017 09:20		
2	11/03/2019 15:21		

- vii. Senarai rawatan yang pernah diterima dihospital ini akan dipaparkan di bahagian "**Visit History**" termasuk rawatan yang sedang dijalankan.
- viii. Untuk memasukkan maklumat rawatan yang sedang dilakukan, klik pada "**Visit Date Time**" untuk rekod yang mempunyai tarikh rawatan yang sedang dibuat.
- ix. Paparan maklumat seterusnya di bahagian "**Visit Details**" adalah mengikut rekod yang telah dipilih di "**Visit History**"

2.6.3.3 Maklumat Rawatan

Maklumat rawatan bagi setiap haiwan dipecahkan kepada 5 bahagian yang berlainan iaitu "**Visit Details**", "**Diagram**", "**Treatment**", "**Order**" dan "**Referral Letter**".

i. Visit Details

Skrin bahagian Visit Details adalah seperti di bawah:

Visit Details	Diagram	Treatment	Order	Referral Letter	Pet Details																
Visit Details <div style="border: 1px solid #ccc; padding: 5px; margin-bottom: 10px;"> Reason of Visit <input type="text"/> </div> <div style="border: 1px solid #ccc; padding: 5px; margin-bottom: 10px;"> Pet History <input type="text"/> </div> <div style="background-color: #0070C0; color: white; padding: 5px; margin-bottom: 10px;"> Vital Sign </div> <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <tr> <td style="width: 25%;">Weight Kg</td> <td style="width: 15%; text-align: center;">kg</td> <td style="width: 25%;">Appetite</td> <td style="width: 35%; text-align: right;">[Please Select]</td> </tr> <tr> <td>Temperature</td> <td style="text-align: center;">°C</td> <td>Bowel</td> <td style="text-align: right;">[Please Select]</td> </tr> <tr> <td>Pulse Rate</td> <td style="text-align: center;">bpm</td> <td>Urination</td> <td style="text-align: right;">[Please Select]</td> </tr> <tr> <td>Respiratory Rate</td> <td></td> <td></td> <td></td> </tr> </table>						Weight Kg	kg	Appetite	[Please Select]	Temperature	°C	Bowel	[Please Select]	Pulse Rate	bpm	Urination	[Please Select]	Respiratory Rate			
Weight Kg	kg	Appetite	[Please Select]																		
Temperature	°C	Bowel	[Please Select]																		
Pulse Rate	bpm	Urination	[Please Select]																		
Respiratory Rate																					

Physical Examination				
Type	Normal	Abnormal	Remark	
MUCOUS MEMBRANE	<input checked="" type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="text"/>	<input type="button" value="Search"/>
INTEGUMENTARY	<input checked="" type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="text"/>	<input type="button" value="Search"/>
EYES	<input checked="" type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="text"/>	<input type="button" value="Search"/>
EARS	<input checked="" type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="text"/>	<input type="button" value="Search"/>
ORAL CAVITY	<input checked="" type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="text"/>	<input type="button" value="Search"/>
CIRCULATORY AND CARDIOVASCULAR	<input checked="" type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="text"/>	<input type="button" value="Search"/>
RESPIRATORY	<input checked="" type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="text"/>	<input type="button" value="Search"/>
NERVOUS SYSTEM	<input checked="" type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="text"/>	<input type="button" value="Search"/>
MUSCULOSKELETAL	<input checked="" type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="text"/>	<input type="button" value="Search"/>
GASTROINTESTINAL	<input checked="" type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="text"/>	<input type="button" value="Search"/>
UROGENITAL	<input checked="" type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="text"/>	<input type="button" value="Search"/>
LYMPH NODES	<input checked="" type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="text"/>	<input type="button" value="Search"/>

Differential Diagnosis


Keterangan penggunaan:

- "**Reason of Visit**": keterangan ini boleh dimasukkan semasa proses pendaftaran oleh pengguna bertugas di kaunter pendaftaran. Pegawai veterinar boleh mengemaskini keterangan ini jika perlu
- "**Pet History**": keterangan ini boleh dikemaskini oleh pegawai veterinar dan akan sentiasa dipaparkan untuk haiwan ini untuk semua sesi rawatan. Ini sebagai maklumat tambahan semasa melakukan rawatan.
- "**Vital Sign**": merupakan bacaan dan indikator yang menerangkan keadaan haiwan yang dirawat
- "**Physical Examination**": untuk setiap baris bahagian rawatan yang ditanda sebagai "Type", pilih samada "**Normal**" atau "**Abnormal**". Jika pilihan ialah "**Abnormal**", pilih lanjutan keterangan melalui fungsi carian di sebelah kotak keterangan. Masukkan "**Remark**" jika perlu.
- "**Differential Diagnosis**": maklumat ini wajib dimasukkan untuk setiap rawatan
- Apabila semua maklumat yang perlu telah dimasukkan, klik "**Save**".

ii. Diagram

Skrin diagram memaparkan lakaran rupabentuk badan haiwan yang dirawat dan berubah mengikut jenis haiwan. Jika menggunakan *touch-screen* monitor, pegawai veterinar boleh menggunakan diagram ini untuk menulis atau menandakan bahagian haiwan yang dirawat.

Contoh paparan skrin adalah seperti di bawah:



Keterangan penggunaan:

- Lakarkan atau tulis sebarang keperluan di atas gambar
- Masukkan nota di dalam ruangan "**Notes**" jika perlu
- Klik "Save" untuk simpan

iii. Treatment

Skrin "**Treatment**" adalah untuk memasukkan semua jenis rawatan yang diberikan kepada haiwan. Ubatan yang diberikan semasa di bilik rawatan ini juga akan dimasukkan di bahagian ini, berlainan dengan ubat yang diberi untuk dibawa pulang.

Screenshot of a medical software interface showing the 'Treatment' tab selected. The 'Procedure' section contains a 'Select' dropdown and an 'Add' button. Below it is a 'Treatment Notes' area with a large text input field and a 'Save' button. The 'Medication' section includes fields for 'Drug Name', 'Unit/Dosage' (with dropdowns for 'ML' and 'Route'), 'Indication', 'Precaution', and 'Notes'. It also features a search icon and buttons for 'Save' and 'Clear Input'.

Keterangan penggunaan:

- Klik butang "**Add**" untuk menambah prosedur rawatan. Skrin berikut akan dipaparkan:

SiVeK - Google Chrome
(i) Not secure | sivek.dvs.gov.my/Popups/searchTreatmentPopup?species=115

Treatment List

Show 10 entries Search:

Select	Treatment Code	Treatment Name
<input type="checkbox"/>	T002	SCALING (CAT)
<input type="checkbox"/>	T004	TOOTH REMOVAL (CAT)
<input type="checkbox"/>	T007	MAGGOT WOUND DRESSING (CAT)
<input type="checkbox"/>	T010	BASIC WOUND DRESSING (CAT)
<input type="checkbox"/>	T013	DEEP WOUND DRESSING (CAT)
<input type="checkbox"/>	T016	DRAINAGE / CLINICAL LANCING (CAT)
<input type="checkbox"/>	T019	URINARY CATHETERIZATION (URETHRAL OBSTRUCTION) (CAT)
<input type="checkbox"/>	T021	ABDOMINOCENTESIS (EFFUSIVE FIP) (CAT)
<input type="checkbox"/>	T023	MANUAL REDUCTION (RECTAL PROLAPSE) (CAT)
<input type="checkbox"/>	T026	PURSE STRING SUTURE (RECTAL PROLAPSE) (CAT)

Showing 1 to 10 of 14 entries

Previous **1** 2 Next

Submit

- Klik pada "checkbox" bagi prosedur rawatan yang hendak dimasukkan. Beberapa rekod boleh dipilih sekaligus.
- Klik "**Submit**" jika telah selesai dan kembali ke skrin utama
- Nota: Senarai prosedur rawatan ini boleh dikemaskini di bahagian "**Maintenance / Treatment**"
- Masukkan nota rawatan di dalam ruangan "**Treatment Notes**"
- Klik "**Save**" untuk menyimpan rekod prosedur dan nota rawatan
- Seterusnya, jika ada ubatan yang digunakan semasa rawatan, masukkan maklumat ubatan di bahagian "**Medication**".
- Klik butang carian bagi memasukkan nama ubat di ruangan "**Drug Name**". Skrin berikut akan dipaparkan:

Search Item at PHARMACY				
Show	10	entries	Search:	<input type="text"/>
Stock ID	Stock Type	Stock Name	Qty. Available	
S00001	ANTIBIOTICS	NB Cream	500	
S00002	ANTIBIOTICS	Clavamox Tablet	500	
S00003	ANTIBIOTICS	Baytril®	500	
S00004	ANTIBIOTICS	Marboxyl	500	
S00005	ANTIBIOTICS	Metrogyl®	500	
S00006	ANTIBIOTICS	Flugenta 5/5	500	
S00007	ANTIBIOTICS	Gentamicin	500	
S00008	ANTIBIOTICS	Doxycycline	500	
S00009	ANTIBIOTICS	Oxytetra	500	
S00010	ANTIBIOTICS	Suprim 480	500	

Showing 1 to 10 of 68 entries

Previous 1 2 3 4 5 6 7 Next

- Klik **"Stock Id"** untuk rekod ubat yang hendak dipilih dan kembali ke skrin utama
- Masukkan **"Unit Dosage"** dan **"Route"**
- **"Indication"** dan **"Precaution"** akan dipaparkan secara automatik jika ianya telah ditetapkan di skrin **"Maintenance / Prescription"**. Masukkan atau kemaskini jika perlu.
- Masukkan nota ubatan jika perlu di ruangan **"Notes"**
- Klik **"Save"** untuk menyimpan maklumat ubatan

iv. Order

Bahagian adalah untuk memberi arahan kepada pihak yang bertanggungjawap untuk membuat x-ray, ujian makmal dan menyediakan ubatan untuk haiwan dirawat. Pegawai veterinar perlu memasukkan maklumat keperluan ini untuk dihantar kepada staf yang bertugas di bahagian berkenaan.

